

SABTU • 07.10.2017

ekonomi@utusan.com.my

UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
E-mel: ekonomi@utusan.com.my
Twitter: @utusanbiz
Laman web: www.utusan.com.my



RUMAH sewa menjadi pilihan warga kota yang tidak mampu membeli kediaman disebabkan harga terlalu mahal. - GAMBAR HIASAN

Membolehkan penyewa, pemilik kediaman melindungi wang deposit

Berkemungkinan meliputi tribunal aduan

Undang-undang sewaan kediaman bakal diwujudkan

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 OKT.

KEMENTERIAN Kewangan akan membincangkan kemungkinan mewujudkan undang-undang sewaan kediaman dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPRT).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pengenalan undang-undang sewaan kediaman itu bertujuan melindungi penyewa dan pemilik rumah daripada berdepan dengan sebarang isu sewaktu tempoh sewaan.

Katanya, undang-undang itu berkemungkinan meliputi tribunal aduan untuk penyewa bagi membolehkan sebarang aduan salah laku pemilik kediaman diserahkan kepada pihak berkuasa. Jelas beliau, Malaysia boleh



JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

Sekiranya penyewa didapati melanggar peraturan seperti merosakkan kediaman pemilik, nama mereka boleh disenarai hitam oleh pihak berkuasa, justeru menyukarkan mereka untuk mencari rumah sewa baharu pada masa akan datang."

mencontohi langkah United Kingdom (UK) yang mempunyai peraturan hartanah sewa dan melindungi penyewa serta pemilik selain memiliki pangkalan data penyewa dan tuan rumah.

"Sekiranya penyewa didapati melanggar peraturan seperti merosakkan kediaman pemilik, nama mereka boleh disenarai hitam oleh pihak berkuasa, justeru menyukarkan mereka untuk mencari rumah sewa baharu pada masa akan datang."

Penyewa melanggar peraturan boleh disenarai hitam

"Kerajaan walau bagaimanapun buat masa ini masih belum memutuskan tempoh bagi memuktamadkan keputusan mewujudkan undang-undang ber-

kenaan," katanya kepada pemberita sempena Sidang Kemuncak Perumahan dan Hartanah Kebangsaan ke-20 di sini hari ini.

Sidang kemuncak dua hari itu anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASIA) bermula semalam, menilail serta mengkalai cabaran serta peluang yang dihadapi oleh industri dan kemunculan trend serta keadaan ekonomi yang memberi kesan kepada sektor hartanah.

Pengenalan undang-undang itu juga membolehkan penyewa dan pemilik kediaman melindungi wang deposit sewaan serta dapat mengurangkan kos tindakan undang-undang sekiranya terdapat salah laku antara kedua-dua pihak.

Ketika ini, sekiranya terdapat masalah berkaitan proses sewaan, kedua-dua belah pihak

perlu ke mahkamah untuk penyelesaian dan turut menelan kos perundangan yang tinggi.

Dalam perkembangan lain, Johari berkata, pasaran hartanah mewah kekal lembap berikutan 80 peratus daripada pelancaran baharu bagi suku pertama tahun ini merupakan kediaman berharga lebih RM250,000 yang hanya mampu dimiliki oleh 58 peratus isi rumah Malaysia.

Menurut beliau, lambakan hartanah mewah itu menyebabkan 83 peratus unit yang tidak terjual itu dalam kategori harga RM250,000 dan ke atas.

"Berbanding tempoh suku pertama 2012, ada sebanyak 54,000 kediaman yang tidak terjual dengan hartanah mewah sebanyak kira-kira 19,000 (unit). Ketika ini, 108,000 unit daripada 130,000 unit yang tidak terjual itu merupakan kediaman mewah," katanya.

Bertujuan melindungi penyewa, pemilik rumah

KUALA LUMPUR (Indeks Komposit) (+4.91) mata 1,764.91

SINGAPURA (Straits Times) (+29.45) mata 3,291.29

TOKYO Nikkei (+62.15) mata 20,690.71

NEW YORK Nikkei (+113.75) mata 22,775.39

TUKARAN MATA WANG ASING 06.10.17

DOLAR 4.2350/2380

POUND 5.5364/5429

EURO 4.9528/9576

RIYAL (100) 112.9183/113.0103

YEN 3.7468/7504

DOLAR 3.0989/1029

RUPIAH (100) 0.0314/0314